

28 JUL 2001

MENTERI LUAR YAMAN LAWAT MALAYSIA BERMULA ISNIN

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Yaman Dr Abubakr Al-Kirbi akan melakukan lawatan empat hari ke Malaysia mulai Isnin ini.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Abubakr yang baru empat bulan memegang jawatan itu, berharap untuk mengetahui dasar-dasar pembangunan ekonomi Malaysia.

Kedatangan beliau juga bertujuan membincangkan lebih lanjut mengenai cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Yaman pertengahan bulan depan, kata kenyataan itu.

Selain mengunjungi Dr Mahathir, beliau akan berbincang dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Atur cara beliau di sini termasuk mendengar taklimat daripada Unit Perancang Ekonomi serta melawat Institut Tadbiran Awam Negara dan ibu pejabat Petronas.

Wisma Putra berkata lawatan Dr Abubakr itu dijangka dapat membuka peluang perniagaan dan kerjasama baru antara kedua-dua negara.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Yaman disifatkan masih kecil.

-- BERNAMA

RZS KHY MAI